



SIARAN SERTA MERTA

MOTAC.100-2/1/18 JLD3 (91)

KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA

SIARAN MEDIA

PENCALONAN BERSAMA KEBAYA KE UNESCO BAWAH KATEGORI *REPRESENTATIVE LIST OF THE INTANGIBLE CULTURAL HERITAGE OF HUMANITY* BAGI TAHUN 2023

4 April 2023 – Malaysia melalui Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) menerajui inisiatif untuk mengangkat '*Kebaya: Knowledge, Skills, Traditions and Practices*' sebagai pencalonan bersama ke Pertubuhan Pendidikan Kebudayaan dan Saintifik Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) di bawah *Representative List of the Intangible Cultural Heritage of Humanity* bagi tahun 2023. Malaysia, Brunei, Indonesia, Singapura dan Thailand telah mengemukakan pencalonan secara bersama bagi Kebaya ke UNESCO kerana ia mewakili dan meraikan kekayaan warisan sejarah, menggalakkan persefahaman silang budaya dan pemakaiannya masih aktif diamalkan oleh komuniti di rantau Asia Tenggara.

Berdasarkan konsensus, semua negara yang mengambil bahagian dalam pencalonan bersama ini terlibat dalam beberapa siri mesyuarat sejak awal tahun 2022. Malaysia telah menjadi tuan rumah untuk bengkel pertama yang diadakan secara fizikal di Port Dickson, Negeri Sembilan pada November 2022 lalu dan diikuti dengan bengkel kedua di Jakarta yang dilaksanakan oleh Indonesia pada bulan Februari 2023. Borang pencalonan Kebaya telah dikemaskini dan diselaraskan sewaktu bengkel tersebut berdasarkan format baharu oleh UNESCO dengan penglibatan pelbagai pihak berkepentingan merangkumi pegawai kerajaan, pakar dan wakil komuniti Kebaya dari semua negara yang mengambil bahagian. Satu bengkel secara dalam talian telah dilaksanakan oleh Singapura pada Mac 2023 bagi memuktamadkan kandungan borang pencalonan tersebut.

Kebaya merupakan pakaian yang melambangkan warisan budaya dan identiti orang Melayu, Peranakan (Cina, Baba Nyonya, Chetti, Siam, Kristang) dan masyarakat lain di Malaysia serta negara-negara di Asia Tenggara. Kebaya menepati definisi elemen

warisan kebudayaan tidak ketara (WTK) kerana ia melibatkan kemahiran tenunan tradisional seperti sulaman dan teknik jahitan untuk menghasilkan pakaian wanita tradisional ini.

Kebaya juga mempunyai kaitan rapat dengan bentuk warisan budaya lain seperti majlis perayaan dan perkahwinan. Terdapat komuniti pembuat dan pemakai Kebaya aktif yang berkongsi serta menyampaikan ilmu dan nilai sosio-budaya Kebaya dari generasi ke generasi.

UNESCO di bawah Konvensyen 2003 bagi melindungi WTK amat menitikberatkan pencalonan secara bersama untuk menjadikan budaya sebagai platform persefahaman dan dialog bersama, sekali gus menjadikan proses penyenaraian sebagai peluang untuk kerjasama strategik di peringkat antarabangsa. Usaha pencalonan bersama ini adalah untuk memastikan Kebaya dilindungi melalui penyampaian pengetahuan (kursus formal dan bengkel), usaha promosi dan usaha dokumentasi atau penyelidikan dengan sokongan negara-negara yang mencalonkan elemen Kebaya dan juga komunitinya.

Kebaya memberikan kita satu peluang untuk mempromosi dan meraikan warisan kebudayaan yang ditemui di serata rantau Asia Tenggara. Keputusan bagi pencalonan ini akan dimuktamadkan dalam Sesi ke-19 *Intergovernmental Committee for the Safeguarding of the Intangible Cultural Heritage* pada tahun 2024.

Dikeluarkan oleh:
Unit Komunikasi Korporat
KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA (MOTAC)
Tel: 03-8000 8000 Fax: 03-88917181
Website: www.motac.gov.my Email: info@motac.gov.my
Facebook, Instagram & Twitter: @mymotac



FOR IMMEDIATE RELEASE

MOTAC.100-2/1/18 JLD3 (91)

MINISTRY OF TOURISM, ARTS AND CULTURE

MEDIA RELEASE

MULTI-NATIONAL NOMINATION OF KEBAYA TO THE 2023 REPRESENTATIVE LIST OF THE UNESCO INTANGIBLE CULTURAL HERITAGE OF HUMANITY

4th April 2023 – Ministry of Tourism, Arts and Culture (MOTAC) on behalf of Malaysia is leading a multi-national initiative to nominate 'Kebaya: Knowledge, Skills, Traditions and Practices' to the UNESCO's Representative List of Intangible Cultural Heritage of Humanity for the year 2023.

Malaysia, Brunei, Indonesia, Singapore, and Thailand have jointly submitted the multi-national nomination for Kebaya to UNESCO as it represents and celebrates our rich shared history, promotes cross-cultural understanding, and continues to be present and actively practised by many communities across Southeast Asia.

With the consensus for multi-national nomination, all participating countries were involved in a series of working meetings since early 2022. Malaysia hosted the first physical workshop in Port Dickson, Negeri Sembilan in November 2022 and this was followed by the second workshop in Jakarta hosted by Indonesia in February 2023.

With the involvement of government officials, experts, and Kebaya community representatives from all participating countries, the Kebaya nomination dossier was updated and streamlined as per the new format by UNESCO. A final online workshop was led by Singapore to finalise the nomination dossier in March 2023.

Kebaya is a garment that represents a significant part of the cultural heritage and identity of women from the Malay, Peranakan (Chinese, Baba Nyonya, Chetti, Siamese, Kristang) and other communities in Malaysia, as well as other countries in Southeast Asia. Kebaya meets the definition of an intangible cultural heritage (ICH) element as it involves the traditional craftsmanship skills such as embroidery and sewing techniques to make this traditional women's garment.

Kebaya is also associated with other forms of cultural heritage, such as festive occasions and weddings. There is an active community of makers and wearers of Kebaya who share and transmit the knowledge and socio-cultural value of Kebaya from one generation to another.

The UNESCO 2003 Convention for the safeguarding of ICH emphasises the importance of 'safeguarding' and the inherent value of ICH initiatives for cultural conservation among practitioners or communities. This allows for culture to be a platform of mutual understanding and dialogue, thus making the listing process an opportunity for international collaboration. This multi-national nomination effort shall ensure that Kebaya be safeguarded through transmission (formal courses and workshops), promotional efforts, as well as documentation or research efforts with the support of nominating States and by its communities.

Kebaya presents us an opportunity to promote and celebrate this shared cultural heritage found in the Southeast Asian region. The results of this nomination would be decided during the 19th Session of the Intergovernmental Committee for the Safeguarding of the Intangible Cultural Heritage in 2024.

Corporate Communications Unit
MINISTRY OF TOURISM, ARTS AND CULTURE (MOTAC)
Tel: 03-8000 8000 Fax: 03-88917181
Website: www.motac.gov.my Email: info@motac.gov.my
Facebook, Instagram & Twitter: @mymotac